

Kerajaan Selangor diminta nilai semula rancangan

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor perlu menilai semula rancangan untuk menggunakan 'Royal Rain-making Technology' dari Thailand bagi pembenihan awan kerana kaedah itu sudah digunakan di Malaysia, kata Timbalan Menteri

Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr James Dawos Mamit.

Beliau berkata, apa yang perlu dilakukan ialah menyedikan sistem empangan yang sewajarnya di negeri itu.

Kata beliau oleh kerana Selangor tidak mempunyai sis-

tem empangan yang sewajarnya, maka air melimpah dan terbuang begitu saja.

"Mereka tidak ada pintu air, mereka tidak tutup empangan. Jadi, bagaimana air hendak tersimpan di dalam empangan? Di Selangor, air dirawat di Sungai Selangor, bu-

kan di empangan berkenaan.

"Empangan sepatutnya menjadi tempat untuk menampung air yang berlebihan. Apabila air berlebihan, ia akan melimpah ke empangan yang lagi satu dan mengalir ke loji rawatan," katanya. -BERNAMA